



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI WARGA EMAS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023 “MEMARTABAT HAK WARGA EMAS: MERENTAS GENERASI”

IPOH, 1 OKTOBER 2023 – YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan Tahun 2023. Sambutan tersebut telah diadakan di Dewan Konvensyen, Hotel Casuarina Ipoh, Perak. Sambutan Hari Warga Emas pada tahun ini mengangkat tema “**Memartabat Hak Warga Emas: Merentas Generasi**”. Tema ini dipilih bagi menghargai segala sumbangan warga emas dalam kemajuan dan kemakmuran negara dan membina masyarakat penyayang di segenap lapisan masyarakat.

Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua atau *aged nation* pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas. Warga emas didefinisikan sebagai seseorang yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh United Nation World Assembly on Ageing di Vienna pada tahun 1982. Merujuk kepada Data Banci Penduduk dan Perumahan 2020, peratusan penduduk Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas meningkat daripada 8% (2 juta) pada tahun 2010 kepada 10.4% (3.4 juta) pada tahun 2020. Malaysia mencatatkan peningkatan jangka hayat kepada 75.6 tahun pada tahun 2020 berbanding 63.6 tahun 1970. Oleh itu, tindakan secara proaktif adalah perlu untuk memastikan kesejahteraan kumpulan sasar melalui penyediaan perkhidmatan kebajikan kepada warga emas.

Antara persediaan Kerajaan dalam menuju negara tua ini, Kerajaan telah membangunkan Pangkalan Data Berpusat Warga Emas (eWE) dan pemerkasaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Bertepatan dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (PTWEN), program yang dirancang dan dilaksanakan adalah bagi menggalakkan warga emas untuk mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong dalam kehidupan seharian.

Konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama” juga merupakan salah satu inisiatif dalam menggalakkan kerjasama strategik Kerajaan dengan sektor korporat dan syarikat swasta. Kerajaan amat mengalu-alukan tanggungjawab sosial korporat bagi meningkatkan perkhidmatan sokongan kepada warga emas di negara ini. Melalui sinergi multi-sektoral ini, semua lapisan masyarakat memainkan peranan serta memikul tanggungjawab bersama-sama untuk memberi sokongan sosial kepada warga emas.

Dalam majlis ini, YB Timbalan Menteri telah menyampaikan beberapa anugerah iaitu Anugerah Khas Warga Emas, Anugerah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Cemerlang dan Anugerah Sukarelawan Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Cemerlang. Turut disampaikan Sijil Penghargaan “Kami Prihatin Warga Emas” kepada syarikat-syarikat yang memberi sokongan dalam program pemerkasaan warga emas. Penghargaan “Kami Prihatin Warga Emas” ini adalah bagi menghargai sumbangan serta memberi galakkan kepada syarikat-syarikat di luar sana agar turut sama membantu Kerajaan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas.

Turut serta dalam majlis ini ialah YB Pn Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
1 OKTOBER 2023**